

21 JUN 2001

Umno-Dilema Melayu (Fokus Berita)

UCAPAN DR MAHATHIR DI PERHIMPUNAN AGUNG DIANGGAP THE MALAY DILEMMA II

Oleh: Jamaluddin Muhammad dan Muin Majid

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Ada anggota perwakilan perhimpunan

agung tahunan Umno kali ini mempersoalkan mengapa Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad dalam ucapan dasarnya membangkitkan masalah "lama" mengenai kelemahan orang Melayu dalam pelbagai bidang.

"Benda macam ni kita dah selalu dengar. Tak ada apa-apakah yang baru

untuk diberitahu kepada kita," kata seorang anggota perwakilan yang ditemui

selepas majlis perasmian perhimpunan tiga hari itu.

Sekali imbas, sememangnya apa yang diutarakan Presiden Umno itu, melalui ucapannya hari ini bertajuk "Melayu Mudah Lupa", ialah perkara yang

sering menjadi halwa telinga anggota Umno dan sudahpun diketahui umum.

Tetapi, jika diteliti secara mendalam, tentunya ada sesuatu yang tidak

kena dengan bangsa Melayu, jika kelemahan yang sama terpaksa diungkit

semula oleh Dr Mahathir, tiga dekad selepas terbitnya buku "The Malay

Dilemma" karangannya.

Dalam buku setebal lebih 180 muka yang diterbitkan pada tahun 1970 itu,

Dr Mahathir, antara lain, menyentuh peristiwa rusuhan kaum 13 Mei di Kuala

Lumpur dan menghuraikan faktor-faktor mengapa orang Melayu mundur daripada

segi ekonomi ketika itu.

Menurutnya, antara sebabnya ialah sikap orang Melayu sendiri yang malas

dan berpegang kepada pepatah Melayu "Beras Secupak Takkan Jadi Segantang",

iaitu mereka berpuashati dengan apa yang ada tanpa mempunyai keinginan

untuk memperbaiki nasib sendiri.

Ini kerana mereka beranggapan, apa guna berusaha lebih, kerana beras

secupak akan kekal secupak.

Dalam ucapan dasarnya yang boleh dianggap "The Malay Dilemma II", Dr

Mahathir berkata mengikut perhitungan kasar yang dibuat, hanya satu peratus

sahaja daripada kekayaan ekonomi negara berada di tangan orang

Melayu di
zaman penjajah.

Malangnya, setelah mencuba lebih daripada 30 tahun, Dr Mahathir berkata orang Melayu tidak juga mencapai sasaran 30 peratus penguasaan ekonomi negara seperti yang digariskan oleh Dasar Ekonomi Negara (DEB).

"Setelah 43 tahun berusaha, setelah berbilion ringgit diperuntukkan, setelah beberapa bank dan pelbagai dana ditubuhkan, hari ini pencapaian orang Melayu dalam bidang perniagaan dan perusahaan masih rendah.

"Kita masih berniaga di gerai-gerai tepi jalan dan belum pun masuk ke kedai batu," katanya.

Senario yang sama juga wujud di bidang pendidikan.

Kalau dulu tidak ramai Melayu menjejakkan kaki ke menara gading disebabkan kurangnya peluang dan kemampuan, kini setelah segala pintu pendidikan dibuka seluas-luasnya untuk mereka, bilangan pelajar Melayu yang berjaya memenuhi kelayakan ke universiti, tidaklah membanggakan.

Ini, kata Dr Mahathir, berpunca daripada sikap orang Melayu sendiri yang malas, lebih suka melepak dan berfoya-foya serta tidak menitikberatkan penguasaan ilmu pengetahuan berbanding bangsa lain.

"Amatlah menyedihkan melihat anak Melayu mendapat kelulusan yang begitu rendah sehingga tanpa kuota khas bagi mereka, mungkin ramai daripada mereka tidak akan dapat memasuki universiti," katanya.

Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan buku yang ditulis 30 tahun dulu dan ucapan Dr Mahathir hari ini ialah - sikap orang Melayu tidak pernah berubah dan mereka tidak pernah mengambil iktibar daripada pengajaran lepas.

Apa yang membimbangkan Dr Mahathir nampaknya ialah, sementara orang Melayu masih lemah dan ketinggalan dalam pelbagai bidang walaupun ketika orang Melayu memegang kuasa politik, apa akan jadi sekiranya kuasa politik terlepas ke tangan orang lain.

Ini tidak mustahil berlaku memandangkan masyarakat Melayu kini berpecah belah dalam menggunakan kuasa politik yang dahulu diberi sepenuhnya kepada Umno.

Faktor utama yang menyebabkan mereka berat hati untuk berubah ialah

mereka menganggap negara ini ditadbir oleh kerajaan pimpinan Umno yang tetap akan melindungi kepentingan Melayu.

Dr Mahathir menggambarkan bagaimana situasi sedemikian mungkin tidak akan kekal memandangkan pembangkang sedang mengatur strategi untuk mendapat sokongan bukan Melayu untuk memenangi pilihan raya.

Dengan itu, apa yang diperkatakan oleh Dr Mahathir sebenarnya merupakan peringatan penting kerana beliau tidak mahu melihat bangsanya tersungkur tanpa boleh lagi bangun untuk menyelamatkan diri.

-- BERNAMA

JM MAM ZS RON